



Persidangan Antarabangsa Automotif bincang kenderaan teknologi hijau

Bagi memangkinkan perkembangan dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan automotif berteknologi hijau, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Inovasi Automotif dan Kenderaan Teknologi Hijau (AIGEV) pada 26 Ogos 2014 yang lalu di Hotel Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan, Pahang.

Penganjuran program mendapat sokongan kerjasama daripada rakan strategik. Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Malaysia Automotive Institute (MAI).

Majlis perasmian disempurnakan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Dato' Jebasingam Issace John manakala Pengarah Urusan Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Mohammad Madani Sahari turut hadir menyampaikan ucap-tama dalam

persidangan kali ini.

Turut membentangkan kertas kerja, Profesor Dr. Ing. Maurice Kettner dari Karlsruhe University of Applied Science Jerman dan Profesor Dr. Viswanatha Sharma Korada dari Universiti Teknologi Petronas.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP mengalu-alukan kehadiran peserta dalam kalangan ahli akademik, saintis, penyelidik dan pemain industri untuk berkongsi kepakaran dalam bidang teknologi hijau dan berkaitan industri automotif masa depan.

"Kumpulan berkepakaran ini mampu mempromosikan teknologi mesra alam yang mampu mengurangkan tahap kebergantungan terhadap penggunaan bahan api fosil. Ianya bukan suatu cabaran yang kecil memandangkan hasil penemuan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat pada tahun 2004 mendapati 13 peratus daripada pelepasan gas rumah hijau global telah dihasilkan daripada sektor pengangkutan termasuklah

penggunaan kenderaan di lebuhraya kita," katanya.

Menurut beliau, pelepasan gas rumah hijau daripada sektor ini terutamanya melibatkan bahan api fosil dibakar untuk jalan raya, keretapi, pengangkutan udara dan laut. Pergantungan terhadap bahan api fosil menghampiri 95 peratus daripada tenaga pengangkutan di dunia datang daripada bahan api berasaskan petroleum, terutamanya petrol dan diesel.

Selain itu, pelepasan gas rumah hijau telah mencemarkan udara dan membahayakan kelestarian alam sekitar dalam tempoh jangka masa yang panjang.

Justeru, dalam mendepani cabaran global melibatkan kerjasama antara negara ini memerlukan polisi dan insentif terhadap inovasi automotif melibatkan penggunaan tenaga hijau untuk berdepan dengan permintaan di pasaran global.

Katanya, UMP komited dalam menjalankan penyelidikan dan pengkomersialan dalam bidang automotif dan teknologi hijau

menerusi Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) berhubung rapat dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Malahan, UMP juga mewujudkan Pasukan Penyelidik Automotif yang memberi fokus terhadap penyelidikan ini dan pihaknya menawarkan hubungan kerjasama strategik dengan industri berkaitan.

Sementara itu, Dato' Jebasingam Issace berkata, pihak ECERDC memuji inisiatif UMP dalam menganjurkan persidangan yang menggalakkan pertukaran idea dan perbincangan mengenai inovasi automotif dan kenderaan tenaga hijau.

Pengeluaran premium dan teknologi alternatif kenderaan, termasuk pembangunan vendor bersepadu merupakan antara industri yang digalakkan dalam Taman Automotif Pekan (PAP) sebagai salah satu projek utama ECERDC dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan PAP ditetapkan sebagai pusat pengeluaran automotif di bawah Dasar Automotif Nasional.